

27/06/2002

Dr M rasmi Perhimpunan Agung MCA 27 Julai

PUTRAJAYA, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Perhimpunan Agung MCA pada 27 Julai depan di Wisma MCA di sini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, menasihatkan semua perwakilan yang akan menghadiri Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita pada Jumaat ini supaya mematuhi pelan damai Dr Mahathir.

Beliau berkata, reaksi ahli MCA di seluruh negara menunjukkan mereka sudah kembali bersatu dan tenang kerana masalah yang dihadapi pucuk pimpinan parti sudah selesai.

"Dulu, apabila pemimpin bertengkar, akar umbi tak tahu nak buat macam mana dan rasa serba salah.

"Tetapi sekarang masalah kepemimpinan sudah selesai dan semua orang berasa lega dan bersatu semula.

"Jadi saya tak rasa Pemuda akan terus bertengkar lagi. Pada masa sama, saya mengucapkan tahniah kepada Wanita MCA kerana berjaya mencapai satu senarai," katanya selepas menghadiri mesyuarat minggu Kabinet di sini, hari ini.

Jumaat ini, Perhimpunan Agung Pemuda MCA akan diadakan di Dewan San Choon, Wisma MCA manakala Perhimpunan Agung Wanita diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Ditanya kenyataan Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat yang tidak berpuas hati dengan pelantikan dua setiausaha agung bagi pergerakan itu, beliau berkata: "Saya tidak mahu cakap apa saja mengenai Ong Tee Keat. Saya tiada komen untuk apa yang Ong cakap."

Ditanya jika Ong terus membantah pelantikan dua setiausaha agung Pemuda, Dr Ling berkata: "Kami serahkan ia kepada kebijaksanaan bersama pucuk pimpinan Pemuda MCA. Saya rasa majoritinya mahu keamanan dan kestabilan.

Ditanya sama ada Jawatankuasa Khas Tiga Anggota yang mengambil alih tugas dan tanggungjawab Pemuda MCA sudah mengadakan perbincangan mengenai isu jawatankuasa itu dibubarkan, beliau berkata: "Belum."

(END)